



**ASET KAYAMAS SDN. BHD.** (1929423-V)  
 Lot 33545, Batu 5, Jalan Klang Lama,  
 58000 Kuala Lumpur.  
 T : +603-7989 9888  
 F : +603-7972 0888  
 E : info@asetkayamas.com  
[www.asetkayamas.com](http://www.asetkayamas.com)

Associates / Developers:

**FABER VISTA SDN. BHD.** (870469-D)  
**SINERJUTA SDN. BHD.** (1013408-T)  
**ERA ECOLAND SDN. BHD.** (1119692-P)  
**UJANA MUTIARA SDN. BHD.** (1126138-A)  
**GARUDA SEARAH SDN. BHD.** (1134692-A)  
**KUNCI MUHIBAH SDN. BHD.** (1181999-T)  
**AK STAR SDN. BHD.** (1078618-K)

## SIARAN MEDIA UNTUK LIPUTAN MEDIA

### **Majlis Penyerahan Padang Bola Sepak DBKL 2**

**KUALA LUMPUR, 05 September** – Majlis Penyerahan Padang Bola Sepak DBKL 2 Bandar Tun Razak telah berlangsung di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Acara ringkas namun cukup bermakna ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Khalid Bin Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan.

Padang bola sepak Bandar Tun Razak merupakan padang berpagar yang menggunakan rumput jenis *cowgrass*. Padang bersaiz Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) ini telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan antaranya 60 buah tempat letak kenderaan serta tandas awam yang diubah suai dan mempunyai bilik persalinan bayi dan bilik mandi. Sistem pengairan juga telah dipasang demi penjagaan padang.

Padang baharu ini adalah padang bola sepak yang kedua di Bandar Tun Razak di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat Aset Kayamas. Padang bola sepak yang pertama telah siap dibina pada tahun 2017. Dengan kemudahan ini, penduduk setempat dapat bergiat aktif dalam aktiviti sukan dan rekreasi tanpa perlu bergerak jauh dari kawasan perumahan mereka.

Pada tahun lepas, Aset Kayamas telah siap membina sebuah pangsupuri Residensi Wilayah di Bandar Tun Razak iaitu satu blok Residensi Razakmas dan apartmen harga bebas. Terdapat satu lagi projek yang masih dalam pembinaan melibatkan dua blok Residensi Wilayah dan unit harga bebas. Kediaman Residensi Wilayah dibuka untuk jualan dengan harga RM198,000.00.



**ASET KAYAMAS SDN. BHD.** (1929423-V)  
Lot 33545, Batu 5, Jalan Klang Lama,  
58000 Kuala Lumpur.  
T : +603-7989 9888  
F : +603-7972 0888  
E : info@asetkayamas.com  
[www.asetkayamas.com](http://www.asetkayamas.com)

Associates / Developers:

**FABER VISTA SDN. BHD.** (870469-D)  
**SINERJUTA SDN. BHD.** (1013408-T)  
**ERA ECOLAND SDN. BHD.** (1119692-P)  
**UJANA MUTIARA SDN. BHD.** (1126138-A)  
**GARUDA SEARAH SDN. BHD.** (1134692-A)  
**KUNCI MUHIBAH SDN. BHD.** (1181999-T)  
**AK STAR SDN. BHD.** (1078618-K)

Kementerian Wilayah Persekutuan dan pemaju Aset Kayamas terus komited dalam memastikan pembangunan dan pengurusan perumahan yang berkualiti terus dibina bagi tujuan meningkatkan taraf hidup penduduk Bandar Tun Razak secara holistik.

Terlebih dahulu Aset Kayamas telah pun membina dan menyerahkan kunci kepada pembeli untuk 5,820 unit rumah di Residensi Pandanmas, Residensi Pandanmas 2, Residensi Sentulmas, Residensi Puchongmas, Residensi Razakmas, Residensi Gurneymas dan Residensi Jalilmas.

Manakala 1,955 unit lagi akan siap dibina pada tahun ini melibatkan 1,514 unit di Residensi Kepongmas yang akan diserahkan kunci pada bulan Oktober dan 441 unit di Residensi Wangsamias yang akan diserahkan kunci pada hujung bulan ini. Ini menunjukkan dedikasi dan komitmen Pemaju dalam usahasama untuk menjayakan program Residensi Wilayah dan merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik untuk semua.

Wakil Syarikat :

Azniza Anuwi

0126830902

azniza@asetkayamas.com